

## HUBUNGAN ANTARA INPUT PENDIDIKAN DAN PROSES PENDIDIKAN DENGAN OUTPUT PENDIDIKAN PELAJAR ASNAF ZAKAT: KAJIAN KES DI MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher<sup>a\*</sup>, Samsiah Bidin<sup>b</sup>, Siti Aisyah Yusof<sup>c</sup>, Hapiza Omar<sup>d</sup>, Hanani Ahmad Fuad<sup>e</sup>

<sup>a</sup>Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah,  
[msaiful0860@uitm.edu.my](mailto:msaiful0860@uitm.edu.my)

<sup>b</sup>Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kedah,  
[samsiah482@uitm.edu.my](mailto:samsiah482@uitm.edu.my)

<sup>c</sup>Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah,  
[aisyah421@uitm.edu.my](mailto:aisyah421@uitm.edu.my)

<sup>d</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah,  
[hapiz045@uitm.edu.my](mailto:hapiz045@uitm.edu.my)

<sup>e</sup>Pensyarah, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah,  
[hanan5560@uitm.edu.my](mailto:hanan5560@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author

### ARTICLE INFO

### Abstrak

Received:  
07/08/2022  
Received in revised form:  
29/08/2022  
Accepted:  
01/09/2022  
Available Online:  
07/09/2022

Keywords:  
Ekuiti pendidikan;  
Input pendidikan;  
Proses pendidikan;  
Output pendidikan

Kajian ini memfokuskan kepada ekuiti pendidikan pelajar asnaf di Maahad Dini Sultan Abdul Halim (MDSAH) yang dibiayai sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Objektif kajian ini ialah adakah bantuan input pendidikan yang diberikan oleh LZNK kepada pelajar-pelajar asnaf zakat dan proses pendidikan yang dijalankan di MDSAH menyumbang kepada pencapaian output pendidikan pelajar asnaf zakat di MDSAH. Kajian ini dijalankan dengan cara pelajar-pelajar asnaf menjawab borang soal selidik secara atas talian. Responden yang terlibat adalah seramai 120 pelajar asnaf yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan tiga, empat dan lima di MDSAH di Alor Setar dan di MDSAH Sik, Kedah. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS versi 25 melalui dua kaedah statistik iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis data berkaitan maklumat diri pelajar. Manakala analisis inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara input pendidikan dan proses pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf. Melalui kajian yang dilakukan ini, keberkesanan input bantuan zakat dan proses pendidikan dapat dikenalpasti oleh pihak LZNK bagi meningkatkan lagi pembiayaan zakat terhadap pelajar asnaf di negeri Kedah secara lebih efisien bagi mencapai ekuiti pendidikan kepada semua pelajar yang terlibat. Kajian ini juga menyerlahkan peranan zakat dalam membantu kerajaan ke arah mencapai ekuiti pendidikan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

---

## **RELATIONSHIP BETWEEN EDUCATIONAL INPUT AND EDUCATIONAL PROCESS WITH THE EDUCATIONAL OUTPUT OF ASNAF STUDENTS: A CASE STUDY OF MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM**

### ***Abstract***

*This study focused on the educational equity of asnaf students in Maahad Dini Sultan Abdul Halim (MDSAH) which has been fully funded by the Kedah State Zakat Board (LZNK). The problem studied was whether the educational input assistance provided by LZNK to asnaf students and the educational process carried out in MDSAH have contributed to the educational output of students in MDSAH. Through this study, the effectiveness of educational input assistance and educational process can be identified by LZNK to further increase zakat funding to asnaf students in the state of Kedah more efficiently in order to achieve educational equity to all involved. More specifically, this study aimed to identify the relationship between educational input and educational process contributed by zakat with the educational output of asnaf students. The study was conducted with asnaf students answering the questionnaire online. The respondents involved were a total of 120 asnaf students consisting of form three, four and five students at MDSAH in Alor Setar and Sik, Kedah. The data obtained were analyzed using SPSS version 25 through two statistical methods, namely descriptive analysis and inferential analysis. Descriptive analysis was used to analyze data related to students' personal information. While the inferential analysis used in this study was Pearson correlation analysis. The findings of the study showed a significant relationship between educational input and educational process with the educational output of asnaf students. It is hoped that this study can help LZNK to evaluate and make improvements to the management and distribution processes of educational zakat assistance to asnaf students. This study also highlighted the role of zakat in assisting the government towards achieving educational equity as intended in the Malaysia Education Blueprint 2013-2025.*

*Keywords: Educational equity; educational input; educational process; educational output.*

### **PENDAHULUAN**

Pendidikan adalah suatu perkara yang amat penting untuk diutamakan dalam sesebuah negara yang sedang membangun. Sehubungan itu, Malaysia telah menggariskan beberapa pelan pembangunan pendidikan sebagai langkah menjadikan ekuiti pendidikan sebagai fokus utama dalam memastikan pendidikan diberikan kepada semua kanak-kanak Malaysia seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Selain usaha yang berterusan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat nasional, institusi zakat yang wujud di peringkat negeri turut memainkan peranan dengan menyalurkan dana kewangan kepada umat Islam khususnya golongan asnaf bagi membantu golongan tersebut dari pelbagai aspek terutamanya sektor pendidikan. Hal ini selaras dengan prinsip-prinsip Islam, iaitu menjadikan sektor pendidikan sebagai fokus utama pengagihan wang zakat (Patmawati Ibrahim, 2008). Oleh itu, zakat menjadi salah satu instrumen kewangan sosial dalam muamalat Islam yang memberi peluang kepada anak-anak dalam kalangan asnaf untuk mencapai ekuiti pendidikan seterusnya dapat membantu kerajaan Malaysia dalam melaksanakan dan menjayakan dasar pendidikan negara.

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menubuhkan beberapa buah sekolah zakat seperti Maahad Dini Sultan Abdul Halim (MDSAH) di bawah pengurusan zakat secara keseluruhannya bagi membantu pelajar-pelajar asnaf di negeri Kedah Darul Aman. Pelbagai sumbangan telah disalurkan kepada para pelajar asnaf yang terpilih ini. Permasalahan yang hendak dikaji ialah sejauh mana pengagihan zakat yang disalurkan kepada pelajar asnaf yang meliputi input keperluan pelajar dan proses pembelajaran dapat menghasilkan output pendidikan yang memenuhi keperluan ekuiti pendidikan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji sumbangan zakat oleh LZNK kepada pelajar asnaf berdasarkan input, proses pembelajaran dan output pendidikan mereka. Kajian ini akan dapat membantu institusi zakat untuk meningkatkan pengagihan dana zakat meliputi keperluan pelajar secara menyeluruh bagi memastikan pencapaian pendidikan yang disasarkan dan ekuiti pendidikan untuk semua. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti keberkesanan sumbangan pendidikan supaya pihak LZNK dapat mengatur strategi dan meningkatkan lagi pembiayaan zakat terhadap pelajar asnaf di negeri Kedah secara lebih efisien.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti hubungan antara input pendidikan yang disalurkan oleh LZNK dengan output pendidikan pelajar asnaf.
2. Untuk mengenalpasti hubungan antara proses pendidikan yang disalurkan oleh LZNK dengan output pendidikan pelajar asnaf.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Misi LZNK adalah untuk mengurus dan meningkatkan operasi kutipan dan agihan zakat di negeri Kedah bagi tujuan pembangunan sosio-ekonomi ummah. Oleh yang demikian, sumbangan zakat pendidikan dilihat sebagai suatu tindakan tepat yang dapat membantu meningkatkan taraf pendidikan asnaf sekaligus membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah khususnya di negeri Kedah. Justeru, kajian ini adalah penting untuk melihat keberkesanan pemberian bantuan zakat kepada pelajar asnaf sekaligus membantu LZNK ke arah mencapai ekuiti pendidikan selaras dengan dasar pendidikan negara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

## **SOROTAN LITERATUR**

### ***Zakat Dalam Sektor Pendidikan***

Instrumen zakat berperanan untuk meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Islam pada umumnya dan golongan asnaf secara khususnya. Zakat merupakan satu ibadah dan kewajiban yang ditetapkan oleh agama Islam, yang dikenakan kepada pelbagai bentuk kategori aset umat Islam seperti pendapatan dan aset fizikal (Norfariza & Asmak, 2019). Namun demikian, hakikatnya masih ramai dalam kalangan masyarakat Islam di negara kita khususnya golongan asnaf yang tercicir dalam pelajaran dan memerlukan bantuan zakat untuk meneruskan pelajaran mereka (Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki et al., 2021).

Terdapat pelbagai produk agihan zakat pendidikan yang disediakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kepada rakyat negeri Kedah yang memerlukan bantuan zakat bagi melanjutkan pelajaran dan seterusnya membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat menjadi pembayar zakat semula kepada LZNK setelah berjaya pada masa depan (Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki et al., 2021). Usaha ini dijangka akan dapat menaikkan lagi martabat golongan asnaf dan memperbaiki taraf hidup mereka, di samping dapat melahirkan lebih ramai lagi pelajar asnaf yang berjaya di dalam dan luar negara seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang masalah dalam keciciran pelajaran dalam kalangan rakyatnya (Zakaria Othman, 2021).

### ***Asnaf Pelajar di Maahad Dini Sultan Abdul Halim***

Terdapat tiga golongan asnaf pelajar di MDSAHA yang menerima bantuan zakat pendidikan oleh LZNK iaitu asnaf fakir, asnaf miskin dan asnaf fisabilillah.

Fakir bermaksud seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50 peratus daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang di bawahnya. Miskin pula bermaksud seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung orang-orang tanggungannya (Pusat Pungutan Zakat, 2022). Oleh yang demikian, pelajar sepenuh masa layak dikategorikan sebagai golongan asnaf fakir dan miskin yang bertaraf penganggur sementara kerana tidak mempunyai peluang untuk bekerja dan mereka perlu akur kepada peraturan yang tidak membenarkan bekerja ketika berada di sekolah (Zakaria Othman,

2021). Fisabilillah pula ialah golongan yang berusaha dan terlibat dalam pekerjaan untuk menyebarkan dan menegakkan Islam (Norfariza & Asmak, 2019). Dapat dikatakan bahawa asnaf fisabilillah bermaksud orang-orang yang berjuang di jalan Allah termasuklah golongan penuntut ilmu. Kajian ini menumpukan kepada bantuan zakat pendidikan kepada pelajar yang berada di bawah kategori asnaf fakir, asnaf miskin dan asnaf fisabilillah di MDSAHA yang merupakan sekolah zakat di negeri Kedah.

### ***Konsep Ekuiti Pendidikan***

Konsep ekuiti pendidikan telah dibincangkan oleh ramai pengkaji lepas, antaranya Solis (2000) mengetengahkan lima objektif ekuiti yang disasarkan kepada pelajar, iaitu kejayaan pencapaian akademik, hasil pembelajaran, peluang pendidikan yang sama, keterangkuman (*inclusivity*) dan kesamarataan akses pendidikan. Ekuiti pendidikan juga memfokus kepada menyediakan sumber pendidikan yang mencukupi dan seimbang kepada semua pelajar.

Ekuiti dalam pendidikan didasarkan pada '*Theory of Justice*' yang dipelopori oleh John Rawls pada tahun 1971 dan kemudian diperhalusi pada tahun 1975 dan 1999 (Rawls, 1999). Teori yang dikenali sebagai teori '*Justice as Fairness*' terdiri daripada dua prinsip utama, iaitu '*Principle of Liberty*' dan '*Principle of Equality*'. Teori ini menjamin hak setiap orang untuk memiliki hak asas kebebasan, sosial dan kedudukan ekonomi. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kerangka untuk mengukur Sistem Ekuiti Kewangan Sekolah yang diasaskan oleh Berne dan Stiefel (1984) sebagaimana dipetik dalam Norfariza & Husaina Banu (2017) dan diperhalusi lagi oleh Baker dan Green dalam satu penyelidikan yang mengukur ekuiti pendidikan.

Input pendidikan pula merujuk kepada sebarang sumber yang perlu untuk melengkapkan pelajar untuk proses pembelajaran. Antara contoh sumber tersebut adalah seperti prasarana, tenaga pengajar, buku, alat tulis dan sebagainya. Bantuan kewangan atau biasiswa juga boleh disediakan untuk dibelanjakan kepada pakaian seragam sekolah, pengangkutan ke sekolah, wang saku, makanan, dan segala bentuk bantuan yang dapat membantu mereka untuk memperoleh pendidikan asas. Proses pembelajaran pula merujuk kepada penyediaan pengajaran yang berkualiti dan kemampuan untuk mengadakan sesi pembelajaran yang membolehkan pembelajaran berkesan berlaku iaitu merangkumi suasana pembelajaran yang selesa, pelajar bermotivasi, masa pembelajaran yang sesuai dan sebarang bentuk inisiatif yang dapat meningkatkan pengalaman belajar serta mereka dapat menikmati peluang pendidikan yang adil dan saksama (Norfariza & Husaina Banu, 2017).

Output pendidikan dari sudut ekuiti pendidikan pula merujuk kepada kemampuan pelajar untuk mencapai yang terbaik dalam pendidikan tanpa halangan untuk berjaya yang disebabkan oleh status peribadi, kewangan atau sosial yang menjadi batu penghalang. Atas sebab ini, beberapa output pendidikan yang dapat menjadi ukuran kejayaan adalah kejayaan keseluruhan dalam aktiviti akademik dan kokurikulum, pengurangan kadar keciciran dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Pelajar seharusnya dapat menikmati semua hak pendidikan ini (Norfariza & Husaina Banu, 2017).

### ***Kepentingan Zakat Dalam Peningkatan Ekuiti Pendidikan***


Berdasarkan kajian oleh Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali (2004) yang telah dijalankan terhadap asnaf fakir dan miskin di daerah Jerantut, Pahang, daerah Taiping, Perak dan daerah Sandakan, Sabah untuk mengkaji kesan bantuan zakat kepada kualiti hidup penerima zakat asnaf fakir dan miskin, hasil kajian mereka menunjukkan bantuan zakat dalam aspek pendidikan memberi lebih kepuasan terhadap kualiti hidup para asnaf dan kualiti pendidikan penerimanya.

Menurut Norfariza & Husaina Banu (2017), input pendidikan memberikan kesan peningkatan yang sederhana terhadap pencapaian pendidikan. Kajian yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar miskin di bandar telah mendapati peningkatan proses pembelajaran yang disediakan oleh institusi zakat dapat membantu meningkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Norfariza & Nur Aliza (2017) menjalankan kajian terhadap pelajar miskin bandar yang mendapat bantuan kewangan dari Lembaga Zakat Selangor dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Hasil kajian mendapati bantuan zakat dapat membantu meningkatkan keperluan pendidikan pelajar sekaligus memberikan kesan positif kepada pembelajaran.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, zakat pendidikan ternyata menyumbang kesan yang positif terhadap pendidikan asnaf. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian memfokus kepada sumbangan zakat yang diberikan secara berkala kepada pelajar. Sehingga kini, belum ada lagi kajian dibuat untuk mengkaji hubungan antara input pendidikan dan proses pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf di MDSAHA yang dikendalikan oleh LZNK. Justeru adalah penting untuk mengkaji sejauh mana signifikannya sumbangan zakat yang menyeluruh ini terhadap peningkatan ekuiti pendidikan pelajar asnaf di MDSAHA.

## KERANGKA KONSEP KAJIAN



Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian

Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara input pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf.

Hipotesis 2: Terdapat hubungan yang signifikan antara proses pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kajian kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 120 orang responden yang merupakan pelajar asnaf yang dibiayai zakat sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Persampelan yang digunakan ialah *purposive sampling* (Zamalia Mahmud, 2008). Responden yang dipilih merupakan pelajar yang menerima bantuan zakat iaitu seramai 26 orang pelajar tingkatan 3 dari MDSAHA Sik (asnaf fakir dan miskin) dan 94 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 dari MDSAHA Alor Setar (asnaf fakir, miskin dan fisabilillah).

Borang soal selidik untuk kajian ini merupakan adaptasi daripada kajian Norfariza Mohd Radzi & Husaina Banu Kenayathulla (2017) berdasarkan *Framework for Measuring the Equity of School Finance Systems* oleh Berne & Stiefel (1984) dan *Vertical Equity* oleh Baker & Green (2008).

Data dari borang soal selidik dimasukkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 25. Pengkaji membuat analisis menggunakan dua kaedah statistik iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif dalam bentuk peratusan digunakan bagi menganalisis data berkaitan maklumat diri pelajar seperti jantina, bangsa, tahap pendidikan tertinggi ahli keluarga, tempat tinggal, pekerjaan bapa dan pekerjaan ibu. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah input pendidikan dan proses pendidikan dengan pembolehubah output pendidikan.

Dapatan menunjukkan semua nilai menghasilkan pekali alfa melebihi nilai 0.70 seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2006). Anggaran kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) untuk dimensi konstruk adalah seperti berikut: output pendidikan pelajar dari sumbangan LZNK (0.867) terdiri daripada 8 item, input pendidikan (0.871) terdiri daripada 12 item dan proses pendidikan (0.881) mengandungi 7 item, yang kesemuanya mencadangkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu melebihi 80 peratus (Cortina J. M., 1993).

## DAPATAN KAJIAN

### *Analisis Demografi Responden*

Hasil kajian telah dijalankan ke atas 120 orang responden dari kalangan pelajar yang menerima bantuan zakat. 48.3 peratus responden adalah dari Tingkatan 4, diikuti pula dengan Tingkatan 5 (30 peratus) dan Tingkatan 3 sebanyak 21.7 peratus. Majoriti responden adalah lelaki iaitu seramai 74 orang (61.7 peratus) dan 46 orang responden perempuan iaitu sebanyak 38.3 peratus.

Bagi Tahap Pendidikan Tertinggi bagi ibu/bapa/penjaga/ahli keluarga, majoritinya adalah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu 54 orang (45.0 peratus), diikuti yang memiliki ijazah/PhD seramai 34 orang (28.3 peratus) dan Diploma/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/STA seramai 29 orang (23.3 peratus).

Majoriti responden paling ramai menetap di negeri Kedah iaitu Kota Setar sebanyak 32.5 peratus, diikuti di Sik sebanyak 15 peratus, Kuala Muda sebanyak 12.5 peratus, Kubang Pasu sebanyak 10 peratus dan Baling sebanyak 9.2 peratus.

Merujuk kepada pekerjaan bapa/penjaga, boleh dikatakan majoriti bekerja sendiri iaitu 33.3 peratus dan hanya 11.7 peratus yang tiada pekerjaan. Jika dibandingkan dengan pekerjaan ibu, majoriti 51.7 peratus tiada pekerjaan dan 2.5 peratus telah bersara. Ibu yang bekerja sebagai guru sebanyak 25 peratus, bekerja sendiri iaitu sebanyak 11.7 peratus dan berniaga sebanyak 9.2 peratus.

### *Analisis Korelasi Antara Pembolehubah*

Hasil Korelasi Pearson (Jadual 1) menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan antara output pendidikan pelajar daripada sumbangan LZNK dengan input pendidikan iaitu  $r(120) = 0.540, p < 0.05$ . Manakala analisis Korelasi Pearson bagi proses pendidikan yang disumbangkan oleh LZNK terhadap output pendidikan pelajar menunjukkan korelasi yang positif iaitu  $r(120) = 0.609, p < 0.05$ . Kekuatan korelasi bagi kedua-dua pembolehubah iaitu input pendidikan dan proses pendidikan terhadap output pendidikan pelajar asnaf adalah besar kepada sangat kuat kerana ia adalah antara 0.50 sehingga 0.69.

Jadual 1 menunjukkan nilai min bagi semua pembolehubah adalah lebih daripada 3. Oleh itu, semua pembolehubah dianggap boleh diterima (Nunnally dan Bernstein, 1994). Output pendidikan pelajar asnaf mempunyai nilai min tertinggi iaitu 3.977 dengan sisihan piawai 0.567, input pendidikan mempunyai nilai min 3.854 dengan sisihan piawai 0.586 dan proses pendidikan yang mempunyai nilai min 3.683 dengan sisihan piawai 0.728. Nilai-nilai min ini menunjukkan bahawa responden tidak pasti dengan semua pernyataan mengenai input pendidikan dan proses pendidikan yang disumbangkan oleh

LZNK. Tetapi sekiranya dilihat secara terperinci, responden hampir bersetuju dengan pernyataan berkaitan output pendidikan pelajar daripada sumbangan LZNK dalam borang soal selidik.

<b>Jadual 1. Korelasi Antara Pembolehubah</b>			
	<b>Hasil</b>	<b>Input</b>	<b>Proses</b>
Hasil Pendidikan (Output)	1.000		
Input Pendidikan (Input)	0.540**	1.000	
Proses Pendidikan (Proses)	0.609**	0.615**	1.000
Min (purata)	3.977	3.854	3.683
Sisihan piawai	0.567	0.586	0.728
*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 level ( <i>two tailed</i> )			

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, hipotesis 1 menyokong terdapatnya hubungan yang signifikan antara input pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf. Hal ini jelas menunjukkan input pendidikan iaitu bantuan yang disalurkan oleh pihak zakat sangat memberi kesan kepada output pendidikan. Penemuan ini adalah selari dengan pernyataan oleh Amir Hasan Dawi (2006) yang menyebut langkah-langkah kerajaan untuk membangunkan sekolah-sekolah berasrama bagi keperluan fizikal dan menyediakan program kesihatan, pemakanan, skim bantuan dan lain-lain adalah termasuk usaha untuk mencapai objektif pendidikan di Malaysia.

Hipotesis 2 pula menyokong wujudnya hubungan yang signifikan antara proses pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf. Proses pendidikan melibatkan proses pembelajaran yang dialami oleh pelajar seperti keadaan asrama yang kondusif, suasana asrama yang positif, aktiviti harian dan bimbingan warden sebagai elemen sosial dalam membantu membentuk perubahan dalam pendidikan sebagai hasil output pendidikan. Menurut Amir Hasan Dawi (2006), salah satu proses pendidikan ialah aktiviti harian yang perlu dilihat dalam aspek kehidupan manusia. Sistem pendidikan dihidupkan oleh aktiviti-aktiviti yang dilakukan setiap hari oleh guru-guru, murid-murid, pentadbiran, nazir dan seumpamanya. Hasil daripada aktiviti seharian tersebut dapat membantu mewujudkan perubahan dalam pendidikan. Perubahan ini disebut oleh Hargreaves dalam Amir Hasan Dawi (2006) dengan menganalisis titik pertemuan interaksi simbolik antara guru dan murid dalam bilik darjah. Jika definisi situasi guru dan murid adalah selaras, hasilnya akan wujud keadaan perundingan di mana guru-guru dan murid-murid akan saling menghormati kehendak-kehendak pihak-pihak lain. Mok Soon Sang (2003) turut menyebut kepentingan interaksi dalam bilik darjah sebagai proses pendidikan yang saling bertindak dan saling mempengaruhi antara guru dengan murid.

## KESIMPULAN

Hubungan yang signifikan antara input pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf membuktikan bahawa input pendidikan dapat meningkatkan ekuiti pendidikan dalam kalangan pelajar asnaf. Dapat dirumuskan bahawa segala bantuan yang diberikan oleh LZNK telah berjaya meningkatkan ekuiti pendidikan pelajar asnaf. Hubungan yang signifikan antara proses pendidikan dengan output pendidikan pelajar asnaf banyak dipengaruhi oleh persekitaran yang sihat semasa pelajar asnaf berada di asrama sekolah. Kebanyakan pelajar asnaf adalah dari latar belakang pelajar yang kurang kemudahan pembelajaran ketika berada di rumah. Ini disokong apabila kajian menunjukkan keadaan persekitaran yang lebih baik telah meningkatkan ekuiti pendidikan pelajar. Selain itu, sokongan yang diterima oleh pelajar asnaf yang terdiri daripada dua aspek iaitu pelajaran dan peribadi serta jadual harian yang disusun atur di asrama dapat mendisiplinkan pelajar asnaf dalam melalui proses PdP di sekolah. Justeru, institusi zakat perlu berperanan penting dalam merancang dan merangka kaedah yang boleh mengeluarkan anak-anak asnaf daripada kemiskinan melalui bantuan pendidikan dalam bentuk penyaluran dana zakat.

---

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Bahagian Penyelidikan ZAWAF, UiTM Cawangan Kedah atas pembiayaan dana penyelidikan zakat ini.

## RUJUKAN

- Amir Hasan Dawi. (2006). *Penteorian Sosiologi Dan Pendidikan*. Edisi ke-3. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Cortina, J. M. (1993). What is coefficient alpha? An examination of theory and applications. *Journal of applied psychology*, 78(1), 98.
- Hair, J., Black, W., Babin, B., Anderson, R. and Tatham, R. (2006). *Multivariate Data Analysis*. 6th Edition. Pearson Prentice Hall, Upper Saddle River.
- Hairunnizam W., Sanep A., & Mohd Ali, M. N. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151-166.
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong dan Hafizah Zainal. (2021). Penentuan Skim Agihan Zakat Pendidikan: Kajian Di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 123-147.
- Mok Soon Sang. (2003). *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan (Semester 2)*. Terbitan ke-6. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Norfariza Mohd Radzi & Husaina Banu. Kenayathulla. (2017). Educational equity for Malaysian urban poor Muslim students. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 5(4), 47-62.
- Norfariza Mohd Radzi. & Nur Aliza. (2017). Peranan zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(3), 1-13.
- Norfariza Mohd Radzi & Asmak A. R. (2019). Zakat and educational equity of urban poor children. *The Online Journal of Islamic Education*, 7(2), 29-39.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Patmawati Ibrahim. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223-244.
- Pusat Pungutan Zakat. (2022). *Golongan Penerima Zakat*. Dicapai di website <https://www.zakat.com.my/info-zakat/golongan-penerima-zakat/> pada 18 Julai 2022.
- Rawls, J. (1999). *A Theory of Justice: Revised Edition*. Cambridge, Massachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press. [http://www.consiglio.regione.campania.it/cms/CM\\_PORTALE\\_CRC/servlet/Docs?dir=docs\\_biblio&file=BiblioContenuto\\_3641.pdf](http://www.consiglio.regione.campania.it/cms/CM_PORTALE_CRC/servlet/Docs?dir=docs_biblio&file=BiblioContenuto_3641.pdf)
- Solis, A. (2000). *Equity principles and school reform: What it takes to ensure that "All Means All"*. Retrieved from [http://www.idra.org/IDRA\\_Newsletter/February\\_2000\\_Excellence\\_Requires\\_Equity/Equity\\_Principles\\_and\\_School\\_Reform/#sthash.nUhURzv7.dp](http://www.idra.org/IDRA_Newsletter/February_2000_Excellence_Requires_Equity/Equity_Principles_and_School_Reform/#sthash.nUhURzv7.dp)
- Zakaria Othman, Hafizah Zainal, Azizah Othman, Mohd Adil Mustaffa, Mohd Faisal Mustaffa & Muhammad Faiz Hussin Shokri. (2021). Peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah Dalam Menyuburkan Pendidikan Orang Kedah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX*, 28-29 Oktober 2021, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamalia Mahmud. (2008). *Handbook of Research Methodology*. Shah Alam: UPENA.